PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) memutuskan untuk mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku keempat. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Berikutan OPR yang tidak berubah, kadar antara bank semalaman purata secara relatif stabil pada suku itu, dan bergerak dalam julat 3.04% hingga 3.27% sepanjang tempoh 1 Oktober hingga 31 Disember 2014. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang dari 1 bulan) juga secara relatif stabil. Walau bagaimanapun, kadar antara bank bagi tempoh matang yang lebih panjang terus menunjukkan trend menaik pada suku itu. Bank-bank berusaha meningkatkan paras pendanaan yang stabil[3] bagi memenuhi keperluan mudah tunai pengawalseliaan Basel III baharu yang bakal dilaksanakan secara berperingkat, iaitu Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR). Persaingan untuk memperoleh lebih banyak pendanaan yang stabil, bagaimanapun, menjadi lebih sengit disebabkan pertumbuhan deposit keseluruhan yang lebih perlahan ekoran aliran keluar bersih yang sebahagiannya mencerminkan pempelbagaian pelaburan oleh syarikat di luar negeri dan aliran keluar portfolio. Untuk meningkatkan paras pendanaan yang stabil bagi mematuhi LCR, bank-bank bersaing untuk menarik deposit syarikat besar dengan menawarkan kadar deposit borong yang lebih tinggi. Bank-bank yang mengalami pengeluaran deposit syarikat beralih kepada peminjaman dalam pasaran antara bank untuk menggantikan dana yang berkurang, lantas menaikkan bidaan terhadap kos peminjaman antara bank. Bagi tahun 2014 secara keseluruhannya, kadar 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) meningkat daripada 3.31% kepada 3.86%.

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

[3] Di bawah LCR, bentuk pembiayaan yang stabil ialah kebarangkalian pengeluaran yang rendah semasa episod tekanan kewangan. Pendanaan yang dianggap paling stabil ialah bersumberkan deposit runcit, diikuti oleh deposit korporat, manakala pendanaan yang bersumber daripada institusi kewangan lain adalah yang paling terdedah kepada risiko pengeluaran.

Kadar Faedah

	2013	2014	
	S4	S3	S4
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.25	3.25
Kadar antara bank			
Semalaman	2.99	3.20	3.23
1 bulan	3.20	3.41	3.38
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.79	6.79
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.36	5.52	5.51
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	3.07	3.08
12 bulan	3.15	3.30	3.31

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan 3 bulan KLIBOR pada keseluruhannya stabil pada suku keempat, mencerminkan jangkaan peserta pasaran bahawa OPR akan kekal tidak berubah.

Kadar deposit runcit stabil pada suku keempat. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar deposit tetap (FD) purata bank perdagangan untuk tempoh antara 1 hingga 12 bulan masing-masing dalam julat antara 3.08% hingga 3.31%.

Kos peminjaman bagi ekonomi pada keseluruhannya stabil sepanjang suku keempat. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.79%, manakala kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) bagi pinjaman terkumpul adalah stabil (5.51%; S4: 5.52%). Kadar pinjaman keseluruhan terus berada di bawah purata jangka panjang dan terus menyokong aktiviti ekonomi.

M3 terus berkembang

Agregat monetari terus berkembang pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM16 bilion pada suku itu. Pada asas tahunan, M1 berkembang 5.7% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 6.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM49.9 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 7.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 5.2%).

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Peningkatan M3 pada suku keempat didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang terus berkembang kepada sektor swasta oleh sistem perbankan serta tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan wang secara luas diimbangi sebahagiannya oleh penurunan aset asing bersih.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal tinggi pada RM270 bilion pada akhir bulan Disember meskipun terdapat pengurangan pada suku itu berikutan pengeluaran mudah tunai bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi terhadap dana dalam keadaan aliran keluar sektor luaran.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku keempat

Pada suku keempat, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM309.8 bilion (S3 2014: RM302.1 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang 8.8% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 8.9%)

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM17.7 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM5.3 bilion) dengan sebahagian besar daripada peningkatan pengeluaran itu disalurkan untuk membiayai modal kerja dalam sektor *perdagangan borong dan runcit, serta restoran dan hotel; pembinaan; perkilangan* dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 9.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 7.9%). Khususnya, kadar pertumbuhan pinjaman terkumpul kepada PKS kekal kukuh dan terus meningkat kepada 13.4% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 12.5%). Permohonan dan kelulusan pinjaman kepada perniagaan secara keseluruhan stabil secara relatif pada suku keempat.

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
M3	**23.3**	**107.5**	**10.4**	**49.9**	**101.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5.2	21.2	6.3	18.2	34.3
Tuntutan terhadap sektor swasta	41.9	118.0	23.8	40.8	118.0
Pinjaman	*33.5*	*107.9*	*21.9*	*38.4*	*111.4*
Sekuriti	*8.4*	*10.1*	*1.9*	*2.4*	*6.6*
Aset asing bersih[1]	2.7	-5.3	0.4	-28.0	-19.2
BNM	*-4.0*	*-4.4*	*-0.6*	*-28.4*	*-43.9*
Sistem Perbankan	*6.7*	*-0.9*	*1.0*	*0.4*	*24.7*
Pengaruh lain	-16.1	-26.4	-20.0	18.9	-31.6

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S4	2013	S3	S4	2014	S4	2013	S3	S4	2014
Jumlah pembiayaan kasar	**299.9**	**1,046.4**	**302.1**	**309.8**	**1,175.2**	15.4	**-2.7**	**18.1**	**3.3**	**12.3**
Pengeluaran pinjaman*	256.5	948.3	269.7	287.7	1,073.9	9.7	1.5	12.3	12.2	13.2
PDS kasar[1]	36.0	82.1	23.6	21.2	82.1	81.9	-27.4	83.0	-41.2	0.0
Ekuiti	7.4	16.0	8.8	1.0	19.2	21.3	-41.5	217.7	-87.1	19.6
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**49.0**	**146.7**	**30.8**	**52.4**	**144.2**	9.8	**9.8**	**8.9**	**8.8**	**8.8**
Sistem perbankan	38.6	121.0	27.2	44.3	121.3	10.1	10.1	9.0	9.2	9.2
Pinjaman terkumpul (A)	*34.3*	*117.7*	*25.7*	*41.6*	*114.1*	10.6	*10.6*	*9.0*	*9.3*	*9.3*
Pemegangan PDS	*4.3*	*3.4*	*1.5*	*2.7*	*7.3*	3.8	*3.8*	*10.0*	*7.9*	*7.9*
PDS terkumpul (B)	14.7	29.0	5.1	10.8	30.1	7.6	7.6	8.6	7.3	7.3
Memorandum										
PDS kasar[2]	36.0	83.9	24.9	21.6	85.5	55.9	-30.8	85.7	-40.1	2.0

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
						(%)	
	S4 13	2013	S3 14	S4 14	2014		
Perusahaan perniagaan[1,*]	**178.5**	**649.5**	**195.5**	**209.9**	**770.3**	**71.7**	**43.1**
Syarikat besar[1]	*120.2*	*422.9*	*136.6*	*147.5*	*536.3*	*49.9*	*25.7*
*PKS**	*58.3*	*226.6*	*58.9*	*62.4*	*234.0*	*21.8*	*17.5*
Sektor terpilih[1]							
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	6.9	31.8	7.0	8.4	31.3	2.9	2.4
Perlombongan dan kuari	2.1	8.8	1.8	2.9	12.2	1.1	0.7
Perkilangan	52.8	195.4	51.5	54.7	213.4	19.9	7.5
Pembinaan	16.3	58.2	15.0	19.2	65.5	6.1	4.3
Harta tanah	11.3	43.3	12.7	14.3	51.6	4.8	6.4
Bekalan elektrik, gas dan air	2.0	9.5	7.2	2.1	14.0	1.3	1.0
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	50.5	182.0	54.9	59.8	221.1	20.6	7.4
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.9	17.3	6.7	7.2	27.0	2.5	2.5
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	23.4	77.5	27.1	29.0	96.2	9.0	7.0
Isi rumah	**78.0**	**298.8**	**74.2**	**77.8**	**303.6**	**28.3**	**56.9**
Pembelian harta kediaman	20.5	74.5	20.0	21.7	81.4	7.6	27.4
Kredit penggunaan	43.4	171.3	41.4	43.9	167.7	15.6	17.7
Antaranya:							
Kad kredit	*26.4*	*97.8*	*24.3*	*26.3*	*99.3*	*9.2*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*9.3*	*41.4*	*9.4*	*9.8*	*37.8*	*3.5*	*10.5*
Lain-lain	14.0	52.9	12.8	12.1	54.6	5.1	11.8
Jumlah	**256.5**	**948.3**	**269.7**	**287.7**	**1,073.9**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2013		2014			2013		2014		
	S4	2013	S3	S4	2014	S4	2013	S3	S4	2014
Jumlah										
Permohonan pinjaman	210.4	820.5	219.1	210.1	822.1	22.3	6.3	2.3	-0.2	0.2
Kelulusan pinjaman	98.0	392.5	105.7	106.4	401.4	2.8	0.4	2.5	8.6	2.3
Pengeluaran pinjaman	256.5	948.3	269.7	287.7	1,073.9	9.7	1.5	12.3	12.2	13.2
Bayaran balik pinjaman	229.2	862.4	252.4	258.5	996.5	2.4	1.4	15.8	12.8	15.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	34.3	117.7	25.7	41.6	114.1	10.6	10.6	9.0	9.3	9.3
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[1,2]										
Permohonan pinjaman	89.1	358.9	108.3	100.4	386.2	26.8	-3.5	15.7	12.7	7.6
Kelulusan pinjaman	37.0	154.8	44.0	46.1	160.0	-11.3	-16.9	8.8	24.5	3.4
Pengeluaran pinjaman	178.5	649.5	195.5	209.9	770.3	9.3	-1.0	19.7	17.6	18.6
Bayaran balik pinjaman	164.9	607.4	187.8	192.3	735.5	1.4	-1.0	22.5	16.7	21.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	10.0	33.2	5.3	17.7	42.3	7.9	7.9	7.9	9.4	9.4
PKS[1]										
Permohonan pinjaman	51.0	196.0	45.1	45.5	180.7	41.4	13.8	-13.9	-10.8	-7.8
Kelulusan pinjaman	18.1	71.4	16.8	15.8	63.8	10.8	-7.9	-7.4	-12.8	-10.6
Pengeluaran pinjaman	58.3	226.6	58.9	62.4	234.0	4.4	4.6	4.9	7.1	3.3
Bayaran balik pinjaman	53.4	210.0	58.4	57.6	222.6	-0.6	7.8	9.0	7.8	6.0
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	6.1	22.5	5.3	8.8	26.6	12.8	12.8	12.5	13.4	13.4
Syarikat besar[2]										
Permohonan pinjaman	38.1	162.9	63.2	54.9	205.5	11.4	-18.5	53.3	44.1	26.1
Kelulusan pinjaman	19.0	83.4	27.2	30.4	96.2	-25.5	-23.3	22.0	60.2	15.3
Pengeluaran pinjaman	120.2	422.9	136.6	147.5	536.3	11.9	-3.7	27.5	22.7	26.8
Bayaran balik pinjaman	111.5	397.4	129.4	134.7	512.9	2.4	-5.1	29.7	20.9	29.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	3.9	10.7	0.0	8.8	15.7	4.4	4.4	4.3	6.2	6.2
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	121.3	461.6	110.8	109.7	435.9	19.1	15.5	-8.1	-9.6	-5.6
Kelulusan pinjaman	60.9	237.7	61.8	60.3	241.4	13.8	16.1	-1.6	-1.1	1.6
Pengeluaran pinjaman	78.0	298.8	74.2	77.8	303.6	10.4	7.3	-3.6	-0.3	1.6
Bayaran balik pinjaman	64.3	255.0	64.6	66.2	261.0	4.9	7.8	0.1	2.9	2.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	21.2	74.0	16.5	17.9	68.9	12.0	12.0	10.7	9.9	9.9

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
[1] Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[2] Termasuk institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali perubahan pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM17.9 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM16.5 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul terus menjadi sederhana kepada 9.9% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 10.7%).

Dana bersih lebih tinggi diperoleh dalam pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM26.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM17.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh dana bersih lebih tinggi yang diperoleh sektor awam.

Dana kasar yang diperoleh sektor awam pada suku tersebut meningkat kepada RM22.8 bilion (S3 2014: RM22.0 bilion).

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**14.3**	**46.3**	**2.1**	**15.3**	**49.9**
Terbitan Kasar Sekuriti Kerajaan	20.4	96.9	22.0	22.8	96.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11.4	51.4	12.3	12.7	51.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	9.0	41.0	8.2	6.6	33.9
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	4.4	1.5	3.4	11.5
Tolak: Penebusan	6.1	50.6	19.9	7.5	46.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6.1	38.6	8.4	2.0	26.4
Terbitan Pelaburan Kerajaan	-	12.0	11.5	5.5	20.5
Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan	-	-	-	-	-
Oleh Sektor Swasta	**19.5**	**38.3**	**15.0**	**11.2**	**50.2**
Saham	7.4	16.0	8.8	1.0	19.2
Sekuriti Hutang Swasta, *Bersih*	12.0	22.2	6.2	10.2	31.0
Sekuriti Hutang Swasta, Kasar	*36.0*	*83.9*	*24.9*	*21.6*	*85.5*
Tolak: Penebusan	*24.0*	*61.6*	*18.7*	*11.4*	*54.5*
Jumlah	**33.7**	**84.5**	**17.1**	**26.4**	**100.1**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebahagian besar dana diperoleh melalui pembukaan semula Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS), 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun, dan pembukaan semula Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII), 3 tahun dan 10 tahun. Di samping itu, dana juga diperoleh melalui terbitan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan sebanyak RM3.4 bilion. Pada suku keempat, penebusan sekuriti kerajaan lebih rendah pada RM7.5 bilion (S3 2014: RM19.9 bilion). Secara keseluruhan, dana bersih yang diperoleh sektor awam lebih tinggi pada RM15.3 bilion (S3 2014: RM2.1 bilion).

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) baharu adalah lebih rendah pada RM21.6 bilion (S3 2014: RM24.9 bilion). Dana yang diperoleh didorong terutamanya oleh terbitan dalam sektor *kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan*, bertujuan untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti pada suku itu berjumlah RM1.0 bilion (S3 2014: RM8.8 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM11.2 bilion (S3 2014: RM15.0 bilion).

Kadar hasil bon meningkat pada suku keempat

Pada suku keempat, kadar hasil MGS meningkat sedikit berikutan pengukuhan kedudukan pelaburan oleh pelabur menjelang akhir tahun 2014. Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan meningkat, pelarasan yang dilakukan adalah teratur seperti yang ditunjukkan oleh kenaikan kadar hasil yang kecil. Bagi suku keempat secara keseluruhan, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing meningkat sebanyak 18, 17, 23 mata asas.

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil bon korporat berpenarafan lebih tinggi secara relatif terus stabil disebabkan permintaan berterusan oleh pelabur domestik. Kadar hasil bon korporat berpenarafan AAA dan AA 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 6 dan 2 mata asas dalam suku itu.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon lebih tinggi

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM181.2 bilion pada suku keempat (S3 2014: RM160.2 bilion), berikutan pengimbangan semula portfolio dalam kalangan pelabur dalam keadaan ketidakpastian pasaran kewangan yang meningkat. Peningkatan urus niaga ini tertumpu terutamanya pada dagangan MGS yang mencatat nisbah mudah tunai lebih tinggi pada 0.33 (S3 2014: 0.25). Walau bagaimanapun, segmen GII dan PDS masing-masing mencatat nisbah mudah tunai lebih rendah pada 0.24 dan 0.06 (S3 2014: masing-masing 0.26 dan 0.07).

FBM KLCI menurun pada suku keempat seiring dengan pasaran serantau

Pada suku keempat, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun sebanyak 85.1 mata atau 4.6%, untuk ditutup pada 1,761.3 mata pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2014: 1,846.3 mata). Sentimen pasaran terus lemah pada suku itu, seiring dengan kebanyakan pasaran serantau, berikutan kebimbangan tentang prospek pertumbuhan global dan penurunan mendadak harga minyak yang menyebabkan pengurangan pelaburan portfolio oleh bukan pemastautin.

Oleh itu, permodalan pasaran menurun kepada RM1.65 trilion pada akhir bulan Disember 2014 (akhir bulan September 2014: RM1.77 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun kepada 1.94 bilion unit (S3 14: 2.77 bilion unit) pada suku tersebut.

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2014 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2013		2014		
	Pada akhir				
	Dis	Tahun	Sep	Dis	Tahun
Indeks harga					
Komposit	1,867.0	1,867.0	1,846.3	1,761.3	1,761.3
FBMEMAS[1]	12,853.6	12,853.6	12,924.7	12,066.3	12,066.3
Pasaran ACE[2]	5,675.8	5,675.8	7,278.9	5,653.4	5,653.4
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,702.2	1,702.2	1,774.1	1,651.2	1,651.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	911	911	906	906	906
	Pada tempoh				
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
Urus niaga harian purata					
Jumlah (juta unit)	1,704.7	1,567.3	2,773.9	1,944.4	2,157.1
Nilai (RM juta)	2,330.2	2,157.2	2,300.3	1,999.9	2,161.8

[1] FBMEMAS mewakili pasaran indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2013				2014					
	S4		Tahun		S3		S4		Tahun	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	107.4	146.8	386.9	527.8	169.2	140.3	122.5	126.0	530.7	531.8
Antaranya:										
Papan Utama	80.0	140.7	305.2	512.3	128.9	132.3	85.5	117.3	397.1	501.2
Antaranya										
Produk Pengguna	7.3	5.5	20.9	22.6	9.7	7.9	5.3	5.2	29.6	26.3
Produk Industri	9.6	9.7	51.5	40.4	23.6	15.4	13.3	11.2	72.0	52.2
Pembinaan	2.8	4.6	15.1	25.0	6.5	7.7	3.4	5.7	19.0	26.3
Dagangan/Khidmat	34.6	81.0	111.4	229.1	59.6	55.6	42.0	56.7	172.0	219.0
Kewangan	4.0	18.2	17.2	103.2	3.5	20.4	3.1	18.7	13.9	84.9
Harta Benda	8.8	6.7	34.0	35.6	12.6	10.7	6.1	6.3	41.0	34.6
Perladangan	1.7	5.6	5.5	19.6	1.9	5.3	1.2	3.6	6.3	19.8
Infrastruktur	1.9	5.0	6.5	19.1	1.1	3.7	1.3	4.4	5.4	17.2
Pasaran ACE[1]	24.4	5.5	69.7	13.5	35.5	7.2	30.3	7.3	115.6	27.1

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Pada 10 Februari 2015, KLCI ditutup lebih rendah pada 1,811 mata (sejak akhir bulan Disember 2014: +2.8%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.71 trilion (sejak akhir bulan Disember 2014: +3.7%).

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang utama dan serantau

Pada suku keempat, pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain didorong terutamanya oleh perkembangan luaran. Selain kebimbangan yang semakin meningkat terhadap prospek pertumbuhan global, mata wang serantau juga menghadapi tekanan susut nilai ekoran pengukuhan dolar AS, yang dipengaruhi jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar berikutan pemulihan ekonomi AS. Ringgit, bagaimanapun, mengalami susut nilai yang lebih ketara dibandingkan dengan mata wang serantau lain, terutamanya pada bulan Disember. Ini berikutan kebimbangan pasaran yang meningkat ekoran kesan penurunan mendadak harga minyak terhadap ekonomi Malaysia, khususnya kedudukan fiskal Kerajaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 6.4% berbanding dengan dolar AS pada suku tersebut. Ringgit turut menyusut nilai

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

Peratus Perubahan (1 Oktober - 31 Disember 2014)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

berbanding dengan dolar Australia (-0.1%), paun sterling (-2.2%), euro (-2.3%), dan semua mata wang serantau. Walau bagaimanapun, ringgit menambah nilai sebanyak 2.3% berbanding dengan yen Jepun.

Antara 1 Januari hingga 10 Februari 2015, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 2.4%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.3%), dan yen Jepun (-3.2%), tetapi menambah nilai berbanding dengan euro (4.7%), dan dolar Australia (2.2%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit pada amnya menyusut nilai antara 0.1% hingga 3.3%.

Aktiviti pasaran derivatif pertukaran asing kekal perlahan disebabkan jangkaan bahawa Federal Reserve akan mengembalikan dasarnya kepada kedudukan yang lebih wajar

Pada suku keempat, aktiviti pasaran antara bank menurun apabila peserta memilih untuk menangguhkan aktiviti berikutan jangkaan bahawa Federal Reserve akan menaikkan kadar faedah pada tahun 2015. Ini berserta kebimbangan yang semakin meningkat tentang prospek pertumbuhan global menyebabkan aktiviti derivatif pasaran asing menurun 9.0% berbanding dengan suku sebelumnya.

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penurunan ini juga didorong oleh aktiviti perlindungan nilai pertukaran asing dalam jumlah yang lebih rendah oleh pengeksport tempatan yang menangguhkan penjualan pertukaran asing kerana menjangka ringgit akan terus menyusut nilai.

Sementara itu, swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun menurun menjelang akhir suku keempat daripada 87 mata asas kepada 70 mata asas ekoran kekurangan mudah tunai ringgit susulan aliran keluar portfolio oleh bukan pemastautin. Di samping itu, berlaku aktiviti perlindungan nilai oleh pelabur dengan dedahan aset ringgit menerusi pembelian hadapan dolar AS, kerana menjangka dolar AS akan terus menambah nilai.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S4 13	S3 14	S4 14	21 Jul 05	S4 13	S3 14
Dolar AS	3.8000	3.2815	3.2715	3.4950	8.7	-6.1	-6.4
Euro	4.6212	4.5263	4.1527	4.2513	8.7	6.5	-2.3
Paun sterling	6.6270	5.4076	5.3193	5.4396	21.8	-0.6	-2.2
Dolar Australia	2.8823	2.9299	2.8632	2.8664	0.6	2.2	-0.1
100 yen Jepun	3.3745	3.1281	2.9922	2.9255	15.3	6.9	2.3
Dolar Singapura	2.2570	2.5943	2.5702	2.6449	-14.7	-1.9	-2.8
100 baht Thailand	9.0681	9.9757	10.107	10.627	-14.7	-6.1	-4.9
100 peso Filipina	6.8131	7.3908	7.2959	7.8066	-12.7	-5.3	-6.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0269	0.0269	0.0281	37.4	-4.2	-4.5
100 won Korea	0.3665	0.3108	0.3106	0.3201	14.5	-2.9	-3.0
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	11.009	10.743	11.068	7.4	-0.5	-2.9
Renminbi China	0.4591	0.5422	0.5323	0.5637	-18.6	-3.8	-5.6

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia